

Ramalan

- [MySukan](#)

Oct 7, 2015



Zhiayi, James Barr berjaya membawa pulang trofi Olahragawati dan Olahragawan

MENEPATI jangkauan, atlet renang dan terjun negara, Ian James Bar dan Loh Zhiayi dinobat sebagai Olahragawan dan Olahragawati Wilayah Persekutuan 2013/2014 pada Malam Majlis Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini.

Kejayaan itu membolehkan Zhiayi dan James Bar membawa pulang wang tunai bernilai RM5,000 berserta trofi dan sijil kepujian yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Dr Loga Bala Mohan.

James Barr, 20, dengan pencapaian meraih dua pingat emas dalam acara 50m kuak lentang dan 200m rampaian individu lelaki pada Sukan Malaysia (SUKMA) Perlis 2014.

Manakala, Zhiayi cemerlang dengan meraih pingat emas 10m platform wanita di Sukan Sea Myanmar 2013 dan pingat yang sama ketika beraksi di Festival Olimpik Belia di Sydney 2013.

Seorang lagi atlet terjun negara, Nur Dhabitah Sabri dinobatkan Olahragawati Harapan selepas meraih tiket ke Sukan Olimpik 2016 secara merit dalam acara 10m platform individu wanita.

Dalam pada itu, Loga yakin dengan azam dan semangat juang yang tinggi, Wilayah Persekutuan sudah pasti akan terus cemerlang dipentas antarabangsa, kebangsaan dan pada temasya SUKMA XVIII Sarawak 2016 bertepatan dengan moto “Kekal Juara”.

Berikut senarai pemenang Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan 2013/2014:

Olahragawan: Ian James Bar (Renang)

Olahragawati: Loh Zhiayi (Terjun)

Olahragawan Harapan: Muhammad Danial Mohd Azri (Taekwondo)

Olahragawati Harapan: Nur Dhabitah Sabri (Terjun)

Olahragawan Paralimpik: Cheah Liek Hou (Badminton)

Olahragawati Paralimpik: Siti Eleeni Ibrahim (Boling Padang)

Pasukan Lelaki Terbaik: Pasukan Sepak Takraw

Pasukan Wanita Terbaik: Pasukan Gimrama A

Jurulatih Terbaik: Phua Chen Hong (Taekwondo)

Pegawai Sukan Terbaik: Mae Chen (Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur)

Anugerah Khas: Allahyarham Azmi Shaari (Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) .